

**PERISYTIHARAN JARINGAN RAKYAT SELATAN MEMPERTAHANKAN HAK MASYARAKAT DAN ALAM SEKITAR
UNTUK KEDAMAIAN ((PERMATAMAS)
SEMPENA HARI MEDIA UNTUK KEDAMAIAN SELATAN/PATANI KELI KE-3
DI BACA OLEH DIREK HEMNAKORN , KOORDINATOR JARINGAN**

SEPANJANG TEMPOH 12 TAHUN SITUASI PERGOLAKAN DI SELATAN, AKAR UMBI BAGI PUNCA YANG PENTING KEGANASAN BERTAMBAH SAMPAI KE HARI INI IALAH KEADILAN. PERASAAN RAKYAT BAWAHAN YANG DI TINDAS OLEH KUASA PIHAK KERAJAAN YANG MEMPUNYAI KUASA LABIH MENINDAS RAKYAT TANPA SIKAP KEADILAN. PENINDASAN INI SAMA JUGA DENGAN PROJEK KUASA ELEKTRIK BATU ARANG DI TEPA.

KUASA ELEKTRIK BATU ARANG TEPA ADALAH KILANG KUASA ELEKTRIK YANG MENGGUNA KUASA WOLTAN TINGGI HINGGA 2,200 M3 AKAN DI BINA ATAS TANAH SELUAS 3000 RAI. SELAIAN AKAN MELAHIRKAN PENCEMARAN UDARA KEPADA KAWASAN. BERIBU-RIBU PENDUDUK JUGA AKAN DI PINDAH KELUAR DARI KAWASAN. MAJORITINYA ADALAH ORANG ISLAM YANG TINGGAL SEKIAN LAMA DALAM KAWASAN TERSEBUT. DALAM TAPAK PEMBINAAN TERDAPAT DUA BUAH MASJID DAN DUA BUAH SURAU . DUA TAPAK TANAH PERKUBURAN DAN SEBUAH TANAH KUBUR LAMA. SEBUAH TEMPAT IBADAT (WAT SAMI BHUDDA) DAN SEBUAH PONDOK TOK YAH SU YANG SEKIAN LAMA DAN TERKENAL. MENGIKUT KEHENDAK PROJEK SEMUA PERKARA TERSEBUT DIATAS MESTI DI PINDAH DAN DI ROBOH. TETAPI SELEPAS MENDAPAT BANTAHAN DAN TENTANG HEBAT OLEH PENDUDUK DALAM KAWASAN PEJABAT ELEKTRIK TELAH BERSENGKOKOL DENGAN SEBAHAGIAN DARI AHLI JAWATANKUASA MAJLIS AGAMA ISLAM PUSAT BAHAWA TANAH PERKUBURAN TIDAK AKAN DI PINDAH TETAPI AKAN DI JAGA. WALAU BAGAIMANA PUN, SEMUA PENDUDUK AKAN DI PINDAH KELUAR. KAWASAN ITU AKAN DI TAMBUNG TANAH TINGGI 5 MITER. SEBAGAI PUSAT PEMBINAAN TIDAK BOLEH LARI DARIPADA KESAN PENCEMARAN. WALAUPUN MASJID DAN KUBUR TIDAK AKAN DI ROBOH TETAPI BAGAIMANA IA AKAN BERNILAI APABILA SEMUA PENDUDUK DI PINDAH. IA AKAN TINGGAL HANYA MENJADI BANGUNAN KENANGAN OLEH PEMBANGUNAN PIHAK BERKUASA TERHADAP AKAR UMBI MANUSIA. HAL INI SANGAT SENSITIF TERHADAP PEMBINAAN KEDAMAIAN.

SELAIAN DARIPADA ITU, PROSES DALAM MENGURUS RAKYAT OLEH PEJABAT ELEKTRIK MENGGUNA CARA HARAM, DENGAN MENGGUNA WANG MEMBELI RAKYAT, MEMBELI PEMIMPIN AGAMA DAN JUGA MEMBELI PEGAWAI KESELAMATAN. KINI INFATRY KE-42 (TENTERA DARAT KE-24) TELAH BERTUKAR TUGASAN DARIPADA MENJAGA KEAMANAN SUPAYA KONFLIK TIDAK MEREBAK SECARA LELUASA. TENTERA TUKAR KEPADA MENGADAKAN PENTAS MEMBUAT PENJELASAN BERSAMA PEJABAT ELEKTRIK BAHAWA TIADA KESAN BURUK TERHADAP MASYARAKAT JIKA KUASA ELEKTRIK DI BINA. SERTA MENGELUARKAN AMARAN MELARANG KEPADA KUMPULANG YANG KELUAR BERGERAK UNTUK MEMBANTAH PEMBINAAN KILANG KUASA ELEKTRIK TERSEBUT. SEDANGKAN RAKYAT BERTINDAK DENGAN CARA AMAN. INI BERMAKNA PIHAK SENDIRI KINI TELAH MENJADI LAWAN DENGAN PIHAK RAKYAT. TENTERA DAN PEJABAT ELEKTRIK ADALAH SEBAGIAN DARIPADA BADAN YANG MELAHIRKAN SUASANA KETAKUTAN, PERASAAN KETIDAKADILAN DAN MENGGUNA KUASA GELAP, KUASA WANG DALAM MENJAYAKAN PROJEK. SELAIAN ITU MELAHIRKAN PERBALAHAN SESAMA PENDUDUK DAN ANTARA PENDUDUK DENGAN KERAJAAN YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN LAGI.

INI ADALAH SEBAHAGIAN PERKARA PENTING YANG MELAHIRKAN KETIDAKADILAN YANG MENJADI BAHAYA SAMPINGAN TERHADAP PROSES DAMAI SELATAN. JIKA INGIN SELESAI MASALAH SELATAN , SELESAIKAN DAHULU MASALAH KILANG KUASA ELEKTRIK TERLEBIH DAHULU. DI SEBABKAN PROJEK PEMBANGUNAN YANG MENGKHIANAT AGAMA, MENGKHIANAT CARA HIDUP RAKYAT. MENGKHIANAT SUMBER ALAM SEMULA JADI, KHIANAT KESEHATAN DAN KHIANAT KEBAHAGIAAN, KEHARMONIAN MASYARAKAT. IA ADALAH PROJEK YANG AKAN MENJEJASKAN KEBAHAGIAAN PENDUDUK SELATAN SELAMA 40 TAHUN SAMA DENGAN USIA KILANG KUASA ELEKTRIK BATU ARANG.